

Rekonstruksi Masa Lampau Melalui Sejarah Lisan

Pengalaman Malaysia¹

Mahani Musa

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia

Abstrak

Artikel ini meneliti perkembangan program sejarah lisan di Malaysia sebagai satu kaedah membina semula sejarah mahupun warisan negara ini. Sejarah lisan merujuk kepada usaha merakam dan mendokumentasi sesuatu peristiwa sejarah dan fenomena sosial melalui pengalaman dan memori manusia bagi membolehkan kita memahami dengan lebih mendalam tentang masa lalu. Pendekata, dengan merakam pengalaman dan ingatan manusia tentang apa yang telah mereka lalui dalam kehidupan, kaedah sejarah lisan sebenarnya merupakan jambatan yang menghubungkan masa lalu dengan masa kini. Bagi negara-negara Asia Tenggara yang sememangnya kaya dengan pengalaman sejarah, dan kepelbagaian budaya, aktiviti sejarah lisan sebenarnya telah bermula sejak 1960-an dengan hampir setiap negara memulakan program sejarah lisan masing-masing. Artikel ini memfokuskan kepada pengalaman Malaysia sebagai negara yang paling awal membentuk program sejarah lisan (1963) disorot dari sudut perkembangannya, pihak yang terlibat dan kecenderungan atau fokus projek yang dijalankan. Artikel ini mendebatkan bahawa walaupun Malaysia merupakan negara mendahului negara-negara Asia Tenggara lain dalam menggerakkan usaha mewujudkan program sejarah lisan (sejak 1963), kaedah sejarah lisan sebagai kaedah merekonstruksi masa lampau dan warisan negara masih kurang menyerlah. Artikel ini menjawab persoalan keterberlaksanaan ini dan meneliti cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan program sejarah lisan di negara ini. Artikel ini mencadangkan pihak kerajaan menggerakkan dan menggiatkan program sejarah lisan di bawah satu pusat sejarah lisan yang khusus di peringkat nasional demi membolehkan sejarah dan warisan negara dikumpulkan berdasarkan memori masyarakat itu sendiri termasuk dari golongan yang terpinggir dan tidak semata-mata melalui dokumen-dokumen bertulis yang kebanyakannya adalah tinggalan pihak kolonial.

Kata kunci: sejarah lisan, Malaysia, dokumentasi, warisan, sejarah tempatan, sejarah dari bawah.

Pengenalan

Artikel ini meneliti perkembangan program sejarah lisan di Malaysia sebagai satu kaedah membina semula sejarah mahupun warisan negara ini. Sejarah lisan merujuk kepada usaha merakam dan mendokumentasi sesuatu peristiwa sejarah dan fenomena sosial melalui pengalaman dan memori manusia bagi membolehkan kita memahami dengan lebih mendalam tentang masa lalu. Pendekata, dengan merakam pengalaman dan ingatan manusia tentang apa

¹ Kertas kerja dibentangkan dalam Persidangan Nasional Sejarah dan Sejarahwan Malaysia 2017 anjuran Bahagian Sejarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM, 14-15 September 2017.

yang telah mereka lalui dalam kehidupan, kaedah sejarah lisan sebenarnya berupaya menjadi jambatan yang menghubungkan masa lalu dengan masa kini.

Di negara-negara Asia Tenggara, Perang Dunia Kedua (1942-1945) merupakan titik peralihan penting kepada kesedaran untuk mewujudkan program sejarah lisan. Perang telah menyebabkan banyak dokumen-dokumen sejarah negara musnah manakala pada zaman selepas perang pula, muncul pula perjuangan menentang kolonialism dan gerakan untuk merdeka namun sekali lagi rekod-rekod adalah kurang dan kebanyakannya merupakan dokumen-dokumen yang dikeluarkan oleh pihak penjajah. Hal ini bermaksud wujud kelompongan (*gaps*) dalam rekod-rekod sejarah di negara ini. Kelompongan ini hanya boleh diisi oleh sejarah lisan yang bukan sahaja mampu memberi satu perspektif yang lengkap tentang masa lalu malah yang lebih penting, pandangan ini mewakili pandangan anak bangsa itu sendiri tentang negara mereka. Menyedari kesedaran ini, National Archives mula dibentuk di rantau Asia Tenggara dengan Malaysia mendahului negara-negara lain menggerakkan program sejarah lisan pada 1963, Thailand pada 1977 dan Indonesia pada 1978. Di Singapura pula walaupun Institute of Southeast Asian Studies menggerakkan projek sejarah lisan pada 1972 dengan memberi tumpuan kepada perang dan kesan zaman perang, program sejarah lisan di negara itu menjadi lebih tersusun dan berkembang ekoran penubuhan Pusat Sejarah Lisan (Oral History Centre) sebagai satu unit di bawah Arkib Negara Singapura pada tahun 1979.²

Selain itu Asia Tenggara juga amat kaya dengan pelbagai budaya dan tradisi yang jika tidak didokumentasikan akan lenyap begitu sahaja ekoran kesan perbandaran dan pemodenan. Melalui tradisi lisan (oral tradition) pula usaha merakam dan mendokumentasi adat istiadat, kepercayaan dan sebagainya dapat diusahakan. Kerja-kerja merakam tradisi lisan ini dimulakan oleh Muzium Sarawak pada 1957, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 1961 dan Muzium Brunei pada 1965.³

Meskipun wujud satu minat terhadap kaedah ini di seluruh rantau Asia Tenggara, ianya belum benar-benar tersusun. Pelbagai pihak tampil mengadakan seminar sejarah lisan untuk berkongsi pengalaman masing-masing dalam menggunakan kaedah ini untuk menulis sejarah dan warisan bangsa dan negara masing-masing. Pada tahun 1973, 'Seminar Pengumpulan, Pengajian dan Penggunaan Tradisi Lisan di Malaysia' anjuran Kementerian Warisan, Belia dan Sukan diadakan di Universiti Malaya. Ini diikuti oleh "Regional Seminar on Oral Tradition" yang diadakan di Kuching Sarawak pada tahun yang sama. Kolokium pertama tentang Sejarah Lisan dianjurkan oleh Arkib Negara Malaysia pada 1978 di Pulau Pinang. Kolokium ini bertujuan mempertemukan ahli arkib dan pengamal sejarah lisan di rantau Asia Tenggara untuk berkongsi pengalaman masing-masing dalam melaksanakan projek sejarah lisan dan membantu merangka arah tuju kaedah sejarah lisan dalam penyelidikan sejarah dan budaya di rantau ini. SARBICA (Southeast Asian Regional Branch of the International Council on Archives) yang menjadi penaung kepada projek sejarah lisan, mengadakan mesyuarat sejarah lisan pada 1990. Kolokium kedua sejarah lisan dengan judul "Oral History: The ASEAN Experience", ASEAN Colloquium on Oral History telah diadakan pada 1991 di Kuala Lumpur anjuran ASEAN Committee on Culture and Information dan Arkib Negara Malaysia. Ini diikuti dengan satu lagi kolokium yang diadakan di Singapura pada tahun 1992 dengan judul "Recording our ASEAN Heritage" dianjurkan oleh Jabatan Sejarah Singapura. Kolokium ini amat menekankan penyelarasan kepada penulisan sejarah serantau dengan memberi penekanan kepada pendudukan Jepun dan

² P. Lim Pui Huen, James H. Morrison and Kwa Chong Guan, "Preface", in P. Lim Pui Huen, James H. Morrison and Kwa Chong Guan eds. *Oral History in Southeast Asia: Theory and Method* (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies), 1998, vii.

³ P. Lim Pui Huen, James H. Morrison and Kwa Chong Guan, "Preface", dalam P. Lim Pui Huen, James H. Morrison and Kwa Chong Guan, viii.

pengalaman birokrat dan tokoh politik bagi membolehkan satu pendokumentasian terhadap pembangunan ASEAN dalam tempoh 25 tahun pertama dapat dilaksanakan.⁴

Meskipun Malaysia paling awal menganjurkan kolokium sejarah lisan dan antara negara yang paling awal mewujudkan program sejarah lisan, perkembangan program ini sejak 1960-an sehingga kini masih perlahan malah metod ini belum benar-benar mendapat perhatian daripada ahli sejarah, penyelidik dan pelajar di negara ini.

Untuk meneliti isu ini, artikel ini dimulakan dengan satu perbincangan tentang kaedah-kaedah membina masa lampau yang dianuti oleh ahli sejarah dan bagaimana muncul kaedah 'Sejarah dari bawah' yang menjadikan sejarah lisan sebagai kaedah utama menulis sejarah masyarakat. Ini diikuti dengan penelitian terhadap perkembangan sejarah lisan di negara ini termasuk pihak yang terlibat dalam mengendalikan program sejarah lisan dan tema-tema yang kerap diterokai. Seterusnya penelitian dibuat terhadap cabaran yang dihadapi oleh penggiat sejarah lisan di negara ini dan bahagian akhir merupakan konklusi dan mengandungi cadangan untuk memajukan sejarah lisan sebagai kaedah menulis sejarah dan warisan negara.

Pendekatan Ahli Sejarah Tentang Penulisan Masa Lalu

Sejarah merupakan satu dialog yang berterusan antara masa kini dengan masa lalu bagi tujuan memahami dan merancang masa hadapan. Pelbagai perdebatan muncul dalam kalangan ahli sejarah tentang bagaimana sejarah ini harus ditulis. Bagi aliran *reconstructionist* yang diasaskan oleh Leopold van Ranke seorang ahli sejarah German abad ke-19 yang amat mendokong prinsip penulisan 'sejarah sebagaimana ia benar-benar berlaku', sejarah hanya dapat ditulis melalui kajian ke atas dokumen-dokumen.⁵ Malah '*no documents, no history*' merupakan respon umum yang diberikan oleh kelompok ini terhadap sebarang percubaan untuk memasukkan sumber bukan dokumen (*non-documentary sources*) dalam kajian sejarah. Sumber lisan termasuk dalam sekatan ini.⁶ Bagi ahli sejarah aliran *constructionist*, kaedah *empiricist-descriptive-narrative* yang dianjurkan oleh aliran Ranke ini gagal menganalisis struktur sosial kerana terlalu fokus kepada memberi naratif (*story telling*) berbanding tumpuan kepada kumpulan sosial atau kelas. Satu lagi kritikan daripada golongan *constructionist* bahawa kaedah Ranke terlalu menumpukan kepada golongan elit atau individu penting dalam politik, perang dan diplomasi dan mengabaikan kumpulan sosial yang lain seperti wanita, pekerja dan petani.⁷ Reaksi yang hebat terhadap pendekatan *reconstructionist* ialah kemunculan ahli sejarah sosial yang mendokong 'sejarah dari bawah' (*history from below*) dan menjuarai kehidupan manusia biasa sebagai sebahagian daripada intipati penting penulisan mereka. E. P. Thompson and George Rude merupakan dua nama besar dalam bidang ini. Ahli sejarah yang memperjuangkan 'sejarah dari bawah' yakni sejarah golongan yang terpinggir, dan sejarah orang biasa ini telah bersungguh-sungguh membawa pembaca lari daripada kebiasaan lambang-lambang kehebatan yang ditinggalkan oleh pihak kolonial. Menurut Brenda Yeoh:

"Historians of the underside have in response mounted concerted efforts to imaginatively mine the official archives and refilter colonial discourse through

⁴ James H. Morrison, "A Global Perspective of Oral History in Southeast Asia," dalam P. Lim Pui Huen, James H. Morrison and Kwa Chong Guan, "Preface", in P. Lim Pui Huen, James H. Morrison and Kwa Chong Guan eds. *Oral History in Southeast Asia*, 8-9.

⁵ Alun Munslow, *Deconstructing History* (London and New York: Routledge, 1997), 20.

⁶ James H. Morrison, "A Global Perspective of Oral History in Southeast Asia", 1.

⁷ Cheah Boon Kheng, "New Theories and Challenges in Malaysian History," dalam Cheah Boon Kheng (ed.), *New Perspectives and Research on Malaysian History* (Kuala Lumpur: MBRAS, 2007), Monograph No. 41, 123.

“other” lenses and, at the same time, widen the net to include hitherto ignored source materials produced by the everyday workings in the life worlds of the colonized. Methodologies to uncover the perspectives of the ordinary people have included existentialist means of encountering people and situations in an intersubjective manner through oral histories, reminiscences, eyewitness accounts, and interviews, as well as phenomenological approaches that look beyond the written record and at people’s representations of their life worlds by using, for example, pictorial, visual, and artifactual evidence.”⁸

Kaedah sejarah lisan menjadi penting bagi kajian sejarah sosial yakni tentang masyarakat dan sejarah tempatan mahupun warisan dan budaya. Bagi sarjana seperti James H. Morrison, menutup pintu kepada kaedah ini bermakna kita menutup pintu kepada sebahagian besar masyarakat dunia – manusia yang tidak meninggalkan apa-apa dokumen tetapi lahir, hidup dan mati tanpa meninggalkan apa-apa catatan. Mereka termasuklah sejarah orang yang dijajah, buruh, wanita, etnik minoriti, dan kanak-kanak yang kisah mereka jarang ditemui dalam dokumen. Melalui sejarah lisan, golongan yang terpinggir ini dapat bersuara tentang masa lalu mereka.⁹ Bagi ahli sejarah lisan terkenal Jan Vansina, kaedah ini penting untuk membolehkan ahli sejarah mendekati golongan bawahan dan memahami apa yang telah dilalui dalam kehidupan mereka:

“Without oral tradition we would know very little about the past of large parts of the world, and we would not know them from the inside. We also could never build up interpretations from the inside.”¹⁰

Dalam kata lain, sejarah lisan memberi peluang kepada penyelidik untuk memahami tradisi budaya dan sosial masyarakat di seluruh dunia. Malah dengan teknologi terkini, sejarah lisan membolehkan penyelidik mengumpul pelbagai kisah *folklore*, tradisi sakral, dan memori individu dan boleh melengkapkan kekurangan yang terdapat dalam rekod-rekod bertulis.¹¹

Sejarah lisan atau tradisi lisan ditakrif dalam kajian klasik Jan Vansina *Oral Tradition: A Study in Historical Methodology* sebagai “oral testimonies concerning the past which are transmitted from one person to another”.¹² Bagi J. Thompson pula sejarah lisan seusia dengan sejarah itu sendiri malah ianya merupakan “the first kind of history”.¹³ Sejarah setiap masyarakat bermula dengan sejarah lisan sebelum kepentingannya diambil alih oleh dokumen dan rekod-rekod. Namun dengan perkembangan teknologi terutamanya dengan kemunculan alat perakam (*recorder*), sumber sejarah lisan kembali menjadi penting. Kepentingan sejarah lisan ini sama ada untuk tujuan individu atau institusi akan menjadi lebih tertonjol jika ianya dijalankan secara sistematik yang akhirnya boleh menyamai kepentingan koleksi dokumen-dokumen primer yang disimpan di arkib. Meskipun secara mudahnya sejarah lisan itu merujuk kepada kaedah menemubual saksi yang terlibat dalam kejadian lalu demi membina semula sejarah tersebut, Pusat Sejarah Lisan Singapura memberikan definisi yang lebih mendalam tentang kaedah ini:

⁸ Brenda S. Yeoh, “Changing Conceptions of Space in History Writing,” dalam Abu Talib Ahmad & Tan Liok Ee, *New Terrains on Southeast Asian History* (Singapore & Athens: Singapore University Press & Ohio University Press, 2003), 37.

⁹ James H. Morrison, “A Global Perspective of Oral History in Southeast Asia, 1.

¹⁰ Jan Vansina, *Oral Tradition as History* (Wisconsin: The University of Wisconsin Press, 1985), 198.

¹¹ Ralph W. Manning, “Introduction,” dalam John McIlwaine and Jean Whiffirin (eds.), *Collecting and Safeguarding the Oral Traditions: An International Conference, Satellite Meeting of the 65th IFLA General Conference held in Bangkok Thailand, 16-19 August 1999*, vii.

¹² Jan Vansina, *Oral Tradition: A Study in Historical Methodology* (Middlesex: Penguin Books, 1965), x.

¹³ Paul Thompson, *Oral History: The Voice of the Past* (Oxford: Oxford University Press, 1978), 19.

“Oral history is the systematic collection of memories and knowledge about historical events and periods by researchers and institutions conducting recording interviews with selected narrators. The recorded information is then preserved for prosperity and made available for research purposes. It is one way of recording history that cuts across all strata of society, thereby enriching our knowledge of human experiences across space and time.”¹⁴

Dengan definisi ini, Pusat Sejarah Lisan Singapura merancang dengan teliti projek sejarah lisan termasuklah menyediakan kerangka interviu yang terancang, pemilihan penemubual dan responden yang sesuai dengan topik, peralatan audio yang berkualiti untuk tujuan pemeliharaan (*preservation*) dan tempat penyimpanan audio dan audio-visual yang sesuai dan terbuka untuk rujukan pelbagai pihak selain mematuhi aspek etika sesuatu temu bual itu. Sehingga kini, Pusat Sejarah Lisan Singapura telah menjalankan satu penyelidikan berdasarkan metodologi sejarah lisan yang sistematik dan telah menjalankan lebih daripada 4,000 temu bual daripada ahli politik sehinggalah penjaja, ahli perubatan, tawanan perang, artis dan usahawan.¹⁵ Malah dengan matlamat menyebarkan kaedah ini kepada orang ramai, demi melahirkan masyarakat dan generasi yang cintakan sejarah dan warisan negara, Pusat Sejarah Lisan Singapura telah mengeluarkan *manual* tentang tatacara pengendalian sejarah lisan sebagai panduan pada tahun 1988.¹⁶

Sejarah lisan merupakan sejarah yang berada di sekeliling masyarakat itu sendiri. Ia memberi peluang bukan sahaja kepada pemimpin, malah masyarakat awam menjadi sebahagian daripada episod sejarah itu sendiri. Kaedah ini bukan sahaja mengisi perkara-perkara yang tidak dapat ditemui dalam rekod rasmi sesuatu negara, atau mencabar kesimpulan-kesimpulan yang dibuat berdasarkan dokumen-dokumen tersebut, malah lebih penting kaedah ini memberi perasaan “*sense of belonging to a place or in time*” kepada seluruh masyarakat. Ia menjadi asas kepada projek-projek asli (*original projects*) bukan sahaja oleh orang yang mahir dalam kaedah ini, tetapi juga pelajar, pelajar sekolah, atau sesuatu komuniti. Seperti kata Thompson, mereka bukan sahaja belajar tentang sejarah mereka malah mereka boleh menulis sejarah itu. Sejarah lisan mengembalikan sejarah itu kepada masyarakat dalam perkataan mereka sendiri. Dalam memberitahu masa lalu itu, kaedah ini secara tidak langsung membantu masyarakat dan generasi baru ini dalam mencorakkan masa depan mereka.¹⁷

Perkembangan Kaedah Sejarah Lisan di Malaysia

Muzium Sarawak merupakan institusi yang paling awal menjalankan sejarah lisan di rantau Asia Tenggara pada tahun 1957. Ini diikuti oleh institusi lain, misalnya, Arkib Negara Malaysia pada tahun 1963, dan Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya pada tahun 1968. Pada tahun 1982, Universiti Sains Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Sejarah Lisan¹⁸ dengan tujuan utama adalah untuk mengumpulkan maklumat tentang zaman Pendudukan Jepun di Perak Utara, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Aspek-aspek yang diberi tumpuan dalam projek ini ialah kemasukan tentera Jepun ke Tanah Melayu, hal-hal ekonomi, dasar-dasar sosial dan ketenteraan, pentadbiran, gerakan penentangan serta peristiwa-

¹⁴ *Memories and Reflections: The Singapore Experience* (Singapore: National Archives of Singapore, 1988), 1

¹⁵ http://www.nas.gov.sg/archivesonline/oral_history_interviews/ diakses pada 29 Julai 2017 at 10.13 am

¹⁶ *Memories & Reflections: The Singapore Experience*, manual diterbitkan buat pertama kali pada tahun 1988.

¹⁷ Paul Thompson, *Oral History: The Voice of the Past*, 18,226.

¹⁸ Jawatankuasa Sejarah Lisan telah ditubuhkan pada April 1982 dan dianggotai oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan), Profesor Sharom Ahmat sebagai Pengerusi dan ahli-ahlinya terdiri daripada wakil dari Bahagian Sejarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Perpustakaan USM dan Pusat Teknologi Pendidikan dan Media.

peristiwa yang berlaku di sekitar tahun 1944-45 dan kedatangan semula askar-askar British selepas pengunduran Jepun. Antara tokoh tempatan yang ditemubual ialah Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, Datuk Koh Sin Hock dan Kapten Mohamad Nor. Hasil daripada projek ini, tiga Siri Sejarah Lisan Pendudukan Jepun telah dihasilkan dan dibukukan. Buku pertama ialah *Reminiscences of Tunku Abdul Rahman 1941-1945* yang diterbitkan pada 1989. Siri kedua *Force 136 (1)* diikuti *Force 136 (2)* terbit serentak pada tahun 1991. Kedua-dua buku ini melibatkan temubual ke atas dua orang bekas anggota Force 136.

Projek sejarah lisan USM ini masih diteruskan dengan tema yang pelbagai. Tumpuan kepada pendudukan Jepun juga tidak dapat diteruskan atas alasan tertentu. Salah satu alasan yang diberikan oleh ahli sejarah yang pernah terlibat dalam projek ini adalah disebabkan tema pendudukan Jepun itu sedikit sebanyak menghadkan bilangan informan yang boleh ditemubual; semakin beredar tahun dan masa, peluang untuk mendapatkan informan yang tepat (saksi utama/proto) semakin menurun.¹⁹ Projek-projek itu juga tidak lagi dibukukan sebaliknya disimpan dalam bentuk pita kaset, transkrip (bercetak dan digital) dan cakera padat (VCD) di Bahagian Malaysia dan Arkib Perpustakaan Hamzah Sendut, USM. Bahagian Malaysia dan Arkib ini ditubuhkan pada tahun 1982 dengan tujuan membina satu koleksi berkaitan Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam untuk tujuan rujukan penyelidikan dan menyimpan dan memelihara bahan-bahan warisan budaya untuk rujukan masa kini dan masa hadapan. Bahagian ini turut dipertanggungjawabkan menyimpan dan menguruskan koleksi sejarah lisan di Perpustakaan USM. Selain koleksi sejarah lisan pendudukan Jepun yang berjumlah 30 temu bual, Bahagian Malaysia dan Arkib Perpustakaan USM juga mempunyai koleksi temubual tokoh-tokoh Pulau Pinang, kenangan abadi yang melibatkan temu bual pengalaman tokoh-tokoh yang telah membangunkan USM sejak penubuhannya, kaum peranakan di Asia Tenggara dan temu bual dengan tokoh pemikir, Syed Hussein al-Attas'.²⁰

Namun perkembangan yang lebih menarik ialah beberapa buah institusi pengajian tinggi di negara ini turut memperkenalkan subjek sejarah lisan dalam penawaran kursus mereka, antaranya Universiti Teknologi MARA (UTM kini UiTM) mulai tahun 1998.²¹ Kaedah ini ditawarkan di bawah kursus Pengurusan Rekod dan masih berterusan sehingga hari ini. Kursus Pada tahun 1982, Universiti Kebangsaan Malaysia memperkenalkan kursus Sejarah Lisan dengan objektif untuk meningkatkan pengetahuan pelajar tentang teori dan praktis dalam sejarah lisan dan membolehkan mereka melibatkan diri dalam mana-mana projek pendokumentasian peristiwa sejarah yang dilihat berguna untuk rujukan para penyelidik. Tenaga pengajar kursus ini, Nadzan Haron, mendapat latihan dalam kaedah ini semasa belajar di luar negara termasuklah penyelidikan yang ekstensif tentang metodologi ini di bawah penyeliaan salah seorang pendokong sejarah lisan, Paul Thompson. Dengan pengalaman yang diperoleh, Nadzan ditugaskan merangka dan mengendalikan kursus ini untuk pelajar pra-siswazah (tahun tiga) di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Di bawah kursus ini pelajar dikehendaki menyiapkan satu projek dokumentasi lisan yang dikenalpasti oleh penyelaras atau yang dipilih oleh pelajar sendiri. Hasil projek ini yang berupa rakaman dan transkripsi interbiu disimpan di Pusat Sumber Sejarah Lisan, Jabatan Sejarah, UKM.

¹⁹ Temu bual dengan Abu Talib Ahmad, pensyarah di Bahagian Sejarah PPIK, pada 30 Julai 2017. Beliau merupakan salah seorang ahli jawatankuasa Sejarah Lisan USM dan terlibat menemubual beberapa tokoh yang dipilih sebagai responden untuk projek tersebut.

²⁰ Siti Roudhah et.al, 'Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan,' *Jurnal PPM* (Persatuan Perpustakaan Malaysia), 6 (2012), 68-70.

²¹ Presentation of Country Reports by Sarbica Delegates – MALAYSIA, Seminar on Preservation and Dissemination of Oral History as National Heritage, 7-9 April 2005, Kuala Lumpur, hlm. 4.

Antara projek pendokumentasi yang dijalankan semasa di bawah penyelarasan Nadzan adalah seperti berikut:

1. Pengumpulan dan pendokumentasian tradisi lisan di Negeri Sembilan (1981/82)
2. Projek Sejarah Lisan Dr Mohamad Said (1982/1983)²²
3. Projek Sejarah Lisan Regimen Melayu (1983/1984)
4. Projek Sejarah Lisan Gua Musang (1988/1989)²³
5. Masyarakat Siam di Kedah dan Perlis (1990/1991)
6. Peristiwa Memali (1992/1993)
7. Kemunculan Malaysian Military Elites (1993/1994)
8. Projek nasionalis Melayu Kiri dan Rejimen ke-10 PKM (1994/1995)²⁴

Kursus Sejarah Lisan di UKM masih berterusan sehingga hari ini dengan lebih banyak tajuk-tajuk menarik dan meliputi pelbagai tema seperti sejarah Muzium Diraja Perak, pengajian pondok di Langgar (Alor Setar), masyarakat Chetti di Melaka, Tarian Ngajat di Sarawak, perusahaan songket, St Anne Church di Bukit Mertajam, tragedi Bukit Kepong, pertubuhan politik di Besut selepas Perang Dunia Kedua, peristiwa konfrontasi Malaysia-Indonesia (pengalaman sebuah keluarga di Pantai Remis, Perak), sejarah dan pengalaman hidup pendatang tanpa izin Indonesia di Malaysia, masyarakat Portugis di Kampung Portugis Melaka, sejarah bandar Kuantan, perusahaan bot, peristiwa jeti runtuh di Pengkalan Sultan Abdul Halim 31 Julai 1988, dan lain-lain.²⁵ Temu bual ini juga ditranskrip oleh pelajar yang terlibat dan disimpan di Pusat Sejarah Lisan untuk rujukan.

Selain UiTM dan UKM, metodologi sejarah lisan juga diperkenalkan di Universiti Sains Malaysia namun hanya sebagai metodologi penyelidikan dalam sesuatu kursus tertentu seperti Sejarah Sosioekonomi Malaysia dan Pendudukan Jepun di Asia Tenggara, atau sebagai salah satu topik kuliah bagi kursus pra-siswazah dan kursus siswazah mod penyelidikan. Minat dan kecenderungan ini sebenarnya telah bermula sejak tahun 1982 lagi di bawah usaha P. H. Kratoska yang menerbitkan buku *Hijrah dan Penghijrahan* yang mengandungi 17 esei pelajar yang mengambil kursus Sejarah Sosioekonomi Malaysia sejak 1978 hingga 1982. Penulisan esei pelajar di bawah tajuk ini bertumpu kepada aspek penghijrahan kaum-kaum asing ke Semenanjung Tanah Melayu dan pengalaman mereka setelah sampai ke negeri-negeri Melayu. Penyelidikan ini bukan sahaja melibatkan kaedah kajian arkib dan kepustakaan malah sejarah lisan. Orang-orang yang ditemubual bukanlah daripada kelompok tokoh-tokoh elit sebaliknya pekerja biasa, tuan punya kedai kopi, penarik beca, pekebun kecil, pemandu kereta, pembuat tin, buruh ladang getah dan petani. Keupayaan meneroka 'sejarah dari bawah' tentang memori dan pengalaman manusia biasa ini dianggap istimewa oleh Kratoska yang dalam pendahuluannya memberi kredit kepada esei-esei pelajar ini yang dianggap "merupakan pengetahuan yang paling berhasil yang mana tidak boleh didapati dari sumber-sumber lain." Bagi Kratoska "dalam karangan mengenai sejarah Malaysia, orang-orang tersebut biasanya merupakan statistik sahaja dan penyuaran individu mereka jarang didengar. Pandangan mereka seperti yang tercatat dalam buku ini,

²² Dr Mohamad Said merupakan orang Melayu Negeri Sembilan yang pertama berijazah dari King Edward College of Medicine

²³ Projek ini dibuat atas inisiatif Pegawai Daerah Gua Musang sendiri setelah mendapati Gua Musang telah melalui fasa sejarah yang penting sebagai tempat persembunyian Dato Bahaman dan pengikutnya semasa Perang Pahang dan penguasaan komunis ke atas bandar Gua Musang semasa Darurat 1948.

²⁴ Nadzan Haron, "Designing and Conducting Oral History as an Academic Subject for Students," Seminar on Preservation and Dissemination of Oral History as National Heritage, 7-9 April 2005, Kuala Lumpur, 10-13.

²⁵ Senarai Kertas Projek Pusat Pengajian Sejarah Lisan, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, dirujuk oleh penulis semasa kajian lapangan 1 Oktober 2015.

walaupun tidak mengejutkan, tetapi kadang-kadang berlainan dengan pengetahuan mengenai sejarah Malaysia yang didapati dari fail dan laporan kerajaan.”²⁶

Usaha menerbitkan esei-esei pelajar di bawah penerbitan berkala ini berterusan apabila *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-55* selenggara Paul H. Kratoska dan Abu Talib Ahmad diterbitkan pada 1989. Kertas berkala ini merupakan usaha pelajar merakamkan pengalaman dan tanggapan rakyat negara ini tentang Perang Dunia Kedua. Sebanyak 14 esei pelajar dimuatkan dalam buku ini. Sekali lagi, esei-esei ini ditulis bukan sahaja berdasarkan sumber primer seperti dokumen, fail, akhbar semasa malah juga melibatkan penggunaan kaedah temu bual lisan. Responden-responden ditemubual untuk mendapatkan pengalaman hidup semasa Pendudukan Jepun.²⁷

Sehingga kini Arkib Negara Malaysia merupakan satu-satunya institusi di Malaysia yang terus giat menjalankan program sejarah lisan dengan data terkini menunjukkan hampir 1064 rakaman (audio) telah dijalankan.²⁸ Beberapa perkembangan mutakhir tentang program sejarah lisan juga dapat dikesan. Misalnya, subjek sejarah lisan mula diperkenalkan secara rasmi di Institut Pendidikan Guru di Malaysia pada tahun 2014 untuk memberi pengetahuan dan melatih bakal-bakal guru tentang metod penyelidikan ini yang berguna untuk pengajaran di sekolah. Terkini ialah penubuhan Persatuan Sejarah Lisan Malaysia pada tahun 2015 di Shah Alam, Selangor dengan tujuan untuk mengadakan kerjasama dengan agensi lain dalam mengadakan kajian sejarah lisan di Malaysia; mengadakan kursus sejarah lisan, menggiatkan pendokumentasian sejarah lisan di Malaysia, mewujudkan pangkalan data pakar sejarah lisan dan mempromosi kesedaran dan kepentingan sejarah lisan.²⁹ Meskipun masih baru dan menghadapi pelbagai cabaran, penubuhan persatuan ini sekurang-kurangnya memberi satu ruang kepada pengkaji yang menggunakan kaedah sejarah lisan dalam penyelidikan mereka untuk berkongsi maklumat dan pengalaman.

Pengiktirafan George Town, Pulau Pinang sebagai Tapak Warisan Dunia pada 1 Julai 2008 membuka era baru dalam sejarah lisan di negara ini. Selain memberi tumpuan kepada aspek-aspek warisan tampak (*tangible heritage*) seperti bangunan bersejarah yang terdapat di bandar George Town, kerajaan negeri Pulau Pinang melalui badan seperti George Town World Heritage Inc. (GTWHI) telah menggerakkan projek dokumentasi sejarah lisan sejak 2013 untuk mengumpulkan aspek warisan tidak tampak (*intangible heritage*) seperti memori penghuni-penghuni di kawasan bandar tentang kehidupan harian mereka mahupun peristiwa-peristiwa penting sepanjang menjadi penghuni bandar. Projek ini menyeimbangkan tumpuan yang berlebihan kepada aspek warisan tampak dan mula menampakkan keprihatinan kerajaan negeri terhadap naratif/kisah-kisah di sebalik kewujudan bangunan tersebut, di sesuatu petempatan mahupun komuniti. Ianya selaras dengan pemilihan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia atas tiket tapak warisan budaya (*cultural heritage site*).

Setakat ini GTWHI telah menjalankan projek dokumentasi sejarah lisan berjudul “Cherita: Living on Chulia Street, 1945-1970” dari Mac 2013 hingga Februari 2014 untuk mengumpul memori penghuni daripada pelbagai latar belakang bangsa, budaya, agama dan pekerjaan yang masih menetap atau pernah menetap dan bergiat di Chulia Street yang merupakan antara jalan terawal dibina oleh Francis Light di Pulau Pinang. Chulia Street

²⁶ Paul H. Kratoska, *Penghijrah dan Penghijrahan (Kumpulan Esei Pelajar Malaysia oleh Pelajar-pelajar USM)* (Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, 1982), No. 1, iii-iv.

²⁷ Paul H. Kratoska dan Abu Talib Ahmad (eds.), *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu, 1942-1945: Kumpulan Esei Sejarah Malaysia oleh Pelajar-pelajar USM* (Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, 1989), No.4.

²⁸ Maklumat diperolehi daripada ofa.arkib.gov.my diakses pada 1 Ogos 2017.

²⁹ <http://www.sejarahlisan.org.my> “Perlembagaan bagi pertubuhan induk Persatuan Sejarah Lisan Malaysia” diakses pada 1 Ogos 2017.

masih merupakan antara jalan yang paling sibuk di bandar George Town sehingga kini.³⁰ Menariknya, berbanding projek-projek pendokumentasi sejarah lisan yang biasa dijalankan oleh Arkib Negara Malaysia mahupun institusi pengajian tinggi di negara ini, GTWHI menggunakan '*curatorial framework*' dalam melaksanakan projek tersebut. Janet Pillai, salah seorang penasihat projek tersebut menggunakan istilah '*curatorial framework*' ini berdasarkan peranan yang pelbagai yang dimainkan oleh penyelarar (*coordinator*) projek tersebut:

To move to and fro between creative exhibition the traditional role of oral history curator, as a custodian of information, to an exhibition curator, organizing a creative exhibition of the oral and visual materials based on concepts and themes of memory and recollections.

(Pillai, 2015: 164)

Case studies	Brief	Players	Engagement tools	Outcomes
Living on Chulia Street project, 2013	Collect oral history Build knowledge and capacity in oral history documentation Interpret and communicate community's shared history to the public	<i>Currator</i> : Researcher/ designer <i>Documentation team</i> : Oral history surveyors <i>Design & interpretation team</i> : illustrators, photographers, copywriters, video producers etc.	Interviews Voluntary sharing of memoir and momentos Use of popular media Video showing Interactive exhibition and installations Interactive walks	Oral history archived on web Community exhibition on site Comic book and video Tours of street

Source: Jannet Pillai, "Engaging public, Professionals, and Policy-makers in the Mapping Process, 159.

Berdasarkan framework ini maka kaedah sejarah lisan yang dianjurkan oleh GTWHI ini bukanlah lagi berkisar kepada melakukan temu bual dan menghasilkan transkripsi³¹ semata-mata tetapi juga menyebarkan maklumat yang diperoleh daripada projek itu kepada orang awam melalui pameran, persembahan video, buku komik, *guided walk* di kawasan yang terlibat. Bahan-bahan daripada projek ini turut dikongsi dengan orang awam melalui website dan blog.³² Hal ini selaras dengan salah satu objektif projek dokumentasi sejarah lisan "Cherita: Living on Chulia Street, 1945-1970" itu sendiri iaitu memperkayakan

³⁰ Lihat, Mahani Musa dan Kuah Li Feng, "Initiating an Oral History Project in a Multicultural UNESCO World Heritage Site of George Town, Penang, Malaysia: Challenges and Outcomes," *Kajian Malaysia*, Vol. 34, No. 2, 2016, 123-143.

³¹ Transkripsi temu bual bagi projek "Cherita: Living on Chulia Street, 1945-1970" ini disimpan di ibu pejabat GTWHI di Lebuh Acheh dan terbuka untuk kegunaan penyelidikan.

³² Lihat <http://penangoralhistory.wordpress.com>

pengetahuan tentang budaya dan membentuk “*sense of identity*” dalam kalangan semua yang terlibat dalam projek ini termasuk responden dan penemubual.³³

Berikutan kejayaan projek awalan ini GTWHI meneruskan peranannya menyelidiki aspek warisan tidak tampak dalam kawasan zon warisan di George Town dengan melancarkan projek dokumentasi lisan keduanya berjudul “Cherita George Town” pada tahun 2014, kali ini dengan kerjasama Arkib Negara Singapura. Isu yang menjadi tumpuan kali ini ialah keperluan asas dalam kehidupan di bandar seperti rumah/tempat tinggal, makanan, pengangkutan, dan pakaian. Seramai 100 orang responden daripada pelbagai latar belakang, budaya, agama, pekerjaan dan gender, telah ditemu bual untuk projek ini. Sebagaimana projek pertama, projek dokumentasi sejarah lisan kali kedua (2014-2016) ini juga turut menggunakan ‘*curatorial framework*’ dalam proses tersebut. Seramai 20 penemubual terlibat dalam projek ini.³⁴

Cabaran Memajukan Sejarah Lisan di Malaysia

Secara umumnya, boleh dikatakan kaedah sejarah lisan di Malaysia belum benar-benar berkembang. Seperti yang diulaskan di atas, hanya tiga buah universiti sahaja yang masih melaksanakan kaedah ini; dua buah universiti iaitu UiTM dan UKM menjadikan subjek sejarah lisan sebagai sebahagian daripada penawaran kursus, manakala USM (Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan) hanya memperkenalkan subjek ini sebagai salah satu topik dalam pengajaran (sejarah lisan dan kajian tempatan) di peringkat pra-siswazah dan salah satu topik dalam kursus teori dan kaedah penyelidikan sejarah di peringkat pengajian siswazah mod penyelidikan. Menariknya dengan hasrat untuk menyokong kedua-dua bentuk penawaran kursus ini di samping bertujuan untuk menyokong kedudukan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia, Bahagian Sejarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan telah menubuhkan Unit Sejarah Lisan untuk memenuhi peranan tersebut sejak 2014. Unit ini dari masa ke semasa berusaha membentuk kumpulan pelajar dan penyelidik yang berminat menjalankan projek sejarah lisan dan mendedahkan mereka kepada bengkel sejarah lisan yang dianjurkan oleh GTWHI selain menganjurkan projek sejarah lisan dan bengkel sejarah lisan di peringkat pusat pengajian dan peringkat nasional.³⁵

Namun usaha meningkatkan penggunaan kaedah sejarah lisan dalam penyelidikan sejarah dan warisan di negara ini bukanlah suatu yang mudah dilakukan. Jika diukur dari tempoh ianya mula diperkenalkan oleh Arkib Negara Malaysia sejak 1963 hingga kini, kaedah ini ternyata masih belum meluas penggunaannya dalam penyelidikan di negara ini. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada keadaan ini. Pertama, kaedah ini tidak begitu meluas penggunaannya dalam kalangan ahli akademik di universiti di negara ini. Sebagai contoh, bidang sejarah sebagai bidang yang amat rapat dengan kaedah ini, para ahli akademiknya lebih bertumpu kepada penggunaan dokumen dalam pengajaran dan penyelidikan mereka. Ahli sejarah Malaysia Cheah Boon Kheng melihat aliran *reconstructionist* yang dipelopori oleh Ranke yang sangat menekankan penggunaan dokumen dalam penulisan sejarah masih berpengaruh dalam kalangan sebahagian besar ahli sejarah di negara ini meskipun pendekatan *constructionist-analytical* semakin mendapat tempat dalam

³³ Mahani Musa and Kuah Li Feng, “Initiating an Oral History Project in a Multicultural UNESCO World Heritage Site of George Town, Penang, Malaysia, 126.

³⁴ Maklumat ini diperoleh daripada Cik Kuah Li Feng, penyelaras bagi projek dokumentasi lisan tersebut pada 2 Ogos 2017.

³⁵ Pertama kali Unit ini menganjurkan bengkel sejarah lisan ialah pada 13-14 Julai 2017 yang diadakan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM. Seramai 38 peserta yang terdiri daripada pelajar siswazah dan pra siswazah, pensyarah, pensyarah maktab dan kolej, staf muzium, guru, ahli persatuan dan kakitangan badan bukan kerajaan menyertai bengkel selama satu setengah hari ini. Bengkel ini memberikan pendedahan teori dan praktis tentang sejarah lisan kepada para peserta.

kalangan ahli sejarah muda berikutan berkembangnya minat meneroka sejarah sosial dalam kalangan mereka.³⁶ Pengaruh bidang sains sosial dalam penyelidikan sejarah membuka ruang yang lebih besar untuk penggalian bukti daripada pelbagai sumber. Ini termasuklah melalui kaedah interviu yang menyediakan sumber penting dalam sejarah sosial sama ada sebagai penggenap atau tambahan kepada pengetahuan yang adakalanya tidak ditemui dalam dokumen-dokumen yang disimpan di arkib.³⁷ Namun kelompok ahli sejarah yang menceburi bidang sejarah sosial di negara ini bukanlah besar jika dilihat daripada penyelidikan dan penerbitan yang dihasilkan setakat ini. Malah jika sekalipun mereka menceburi bidang sejarah sosial yang berkisar kepada pelbagai aspek seperti gender, kesihatan, buruh dan lain-lain hal yang berkaitan masyarakat bawahan, adakalanya kajian ini tidak memerlukan penggunaan kaedah temu bual dalam kajian mereka. Sebaliknya banyak kajian sejarah sosial masih bergantung kepada dokumen-dokumen arkib terutamanya jika skop tahun kajian melewati zaman sebelum pendudukan Jepun. Malah agak menarik kerana kini kajian-kajian tentang pendudukan Jepun yang selama ini membuka peluang kepada temu bual responden yang pernah mengalami kehidupan pada zaman tersebut tidak dapat dijalankan dengan lancar kerana masalah usia responden.

Bertolak daripada perkembangan yang perlahan pendekatan tersebut di universiti yang menjadi gedung ilmu dan penyelidikan maka dengan sendirinya program sejarah lisan di negara ini seperti 'tenggelam timbul' dan hanya bergantung kepada minat individu atau sesuatu institusi. Penajaan kewangan bukanlah mudah diperoleh kerana banyak pihak tidak memahami kepentingan melaksanakan projek sejarah lisan untuk tujuan pendokumentasi sejarah dan warisan negara ini. Hal ini amat berbeza dengan Singapura. Apabila Singapura mula melibatkan diri dalam projek sejarah lisan di bawah naungan Arkib Negara Singapura pada tahun 1979, matlamat utama mereka ialah untuk menjadikan koleksi memori yang dirakamkan itu sebagai sebahagian daripada warisan yang dapat menjelaskan sumbangan dan peranan rakyat Singapura dalam pembentukan sejarah negara bangsa dan sebagai komuniti di Asia Tenggara. Malahan penubuhan Oral History Centre Singapura pada tahun 1979 sebenarnya diusahakan oleh Dr Goh Keng Swee, yang pada waktu itu merupakan Timbalan Perdana Menteri Singapura. Unit ini lahir sebagai satu strategi negara Singapura menanamkan dalam jiwa rakyatnya khususnya generasi muda dan memaparkan kepada jiran-jiran negara Asia Tenggara dan dunia tentang kebolehan dan jasa rakyat negara tersebut dalam pembangunan sejarah dan warisan masa lalu sebagaimana yang diungkapkan oleh Kwa Chong Guan, Penasihat Lembaga Arkib Singapura (Advisor National Archives Board) seperti berikut:

"In the context of its time, the Oral History Centre was established in 1979, when Singapore had overcome its initial anxieties of economic survival and was moving into a new generation of high technology industries, establishing itself as a regional and international financial and transport and communications centre, and opening its foreign policy to the region. Singapore's revisiting its past was part of its new confidence about its present and future."³⁸

Sebagai satu-satunya institusi di Malaysia yang konsisten dalam pengendalian program sejarah lisan, Arkib Negara Malaysia melihat masalah sumber manusia yakni

³⁶ Cheah Boon Kheng, 'New Theories and Challenges in Malaysian History,' 119-145.

³⁷ Haryati Hasan dan Hamidin Abd Hamid, "Writing Marginalized Groups into Malaysian Social History," dalam Cheah Boon Kheng (ed.), *New Perspectives and Research on Malaysian History*, 147.

³⁸ Kwa Chong Guan, "Oral History in the Making of our Memories and Heritage," Seminar on Preservation and Dissemination of Oral History as National Heritage, 7-9 April 2005, Kuala Lumpur, 19, 21.

kekurangan ahli yang terlatih dalam bidang ini, skop yang terlalu luas untuk dicapai oleh mana-mana institusi yang bergerak secara individu dan faktor usia yang mana ramai saksi yang terlibat dalam sesuatu peristiwa itu sudah makin berusia atau telahpun meninggal dunia merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh badan tersebut dalam melaksanakan program sejarah lisan.³⁹ Hal ini bermakna program sejarah lisan tidak dapat dilaksanakan dengan baik tanpa wujud kumpulan professional dalam bidang ini yang dapat merancang dan melaksanakan projek-projek yang penting kepada sejarah dan warisan negara. Kewujudan kumpulan yang mahir dalam bidang ini juga mampu mengembangkan ilmu tentang sejarah lisan dan mampu menjadi payung kepada program-program sejarah lisan yang dijalankan oleh pelbagai pihak. Dengan itu isu skop yang luas untuk dicapai oleh satu institusi mungkin dapat dikurangkan.

Mewujudkan kumpulan yang mahir ini menjadi salah satu cabaran dalam mana-mana projek sejarah lisan. Oleh itu apabila UKM memulakan penawaran kursus sejarah lisan buat kali pertama pada 1982, penyelarasnya merangka kursus tersebut berdasarkan pengalaman beberapa institusi pengajian tinggi luar negara yang terkenal dalam pengajaran metod ini dengan memberi tumpuan kepada aspek syarahan teori, seminar, bengkel dan praktikal yakni kerja lapangan yang berupa penglibatan dalam projek dokumentasi yang telah dikenalpasti oleh penyelaras atau yang menjadi pilihan pelajar itu sendiri.⁴⁰ Hal ini bagi tujuan melengkapkan pengetahuan pelajar tentang kaedah ini yang boleh digunakan kelak dalam dunia pekerjaan sama ada sebagai tenaga pengajar di universiti, wartawan, ahli muzium, arkib, pentadbiran dan sebagainya yang memerlukan keupayaan komunikasi dan pendokumentasian yang baik.

Namun hal ini juga bukanlah mudah untuk dilaksanakan. Isu kewangan turut menghalang usaha tersebut sekalipun ada minat di kalangan penyelidik untuk melaksanakannya. Kewangan dan sokongan pelbagai institusi ini penting bagi memastikan program sejarah lisan di negara ini dijalankan mengikut standard dan tahap professionalism yang tinggi. Tanpa peruntukan kewangan yang jelas untuk jangka masa yang panjang ini, amat sukar untuk sesuatu program sejarah lisan itu menentukan hala tujunya termasuklah dari segi mengekalkan tenaga manusia (*manpower*). Cabaran besar dalam menjalankan projek sejarah lisan ialah mendapatkan dan mengekalkan kumpulan penemubual yang terlatih (*trained documenters*). Bagi projek sejarah lisan "Cherita: Living on Chulia Street, 1945-1970" dari Mac 2013 hingga Februari 2014 yang dianjurkan oleh GTWHI, misalnya, kumpulan yang terlibat dalam projek telah dilatih oleh pakar sejarah lisan dari Pusat Sejarah Lisan Singapura melalui melalui kelas teori, bengkel dan latihan praktikal (*hands-on*). Kebanyakan mereka berkhidmat secara sementara (*part-time basis*). Hal ini menyukarkan penyelaras projek ini untuk terus mengekalkan tenaga manusia untuk projek selanjutnya. Biasanya selepas satu atau dua temu bual dilaksanakan sebagai memenuhi keperluan projek, penemu bual ini akan meninggalkan projek ini untuk mencari pekerjaan yang lebih tetap. Apabila keadaan ini berlaku, kumpulan penyelidik dan penemu bual yang baru perlu dibentuk setiap kali projek sejarah lisan dijalankan oleh GTWHI. Hal ini mengambil masa yang lama dan melibatkan perbelanjaan yang banyak. Masalah ini berlaku kerana GTWHI

³⁹ Azemi Abdul Aziz, "The Archival Approach to Oral History," Seminar on Preservation and Dissemination of Oral History as National Heritage, 7-9 April 2005, 9. Lihat juga Presentation of Country Reports by SARBICA Delegates – MALAYSIA, Seminar on Preservation and Dissemination of Oral History as National Heritage, 7-9 April 2005.

⁴⁰ Nadzan Haron, "Designing and Conducting Oral History as an Academic Subject for Students," Seminar on Preservation and Dissemination of Oral History as National Heritage, 7-9 April 2005, Kuala Lumpur, 7-8.

belum merangka satu struktur yang jelas tentang masa depan program ini lantas pengambilan staff yang tetap belum dapat dilaksanakan.⁴¹

Satu lagi cabaran yang besar dalam pelaksanaan program sejarah lisan di negara ini ialah tiada wujud kesepaduan atau kerjasama antara institusi yang bergiat dalam bidang ini. Masing-masing menjalankan program tersebut untuk memenuhi objektif dan keperluan masing-masing. Berbanding Arkib Negara Malaysia yang mengambil pelbagai langkah untuk mempromosikan program sejarah lisan ini kepada pelbagai pihak termasuk mengadakan siri 'Recounting the past' sejak 1984 dan rancangan televisyen berjudul "Once upon an event" sebanyak 52 minggu sejak 1987,⁴² kegiatan menyebarkan ilmu tentang metod dan hasil program sejarah lisan di universiti kurang menyerlah kerana tumpuan lebih diberikan kepada pengajaran. Tanpa tenaga kerja yang cukup dalam bidang ini, agak sukar program ini untuk dilaksanakan secara bersepadu di universiti kerana masing-masing perlu memberi tumpuan kepada tugas-tugas lain. Oleh kerana aspek penyebaran program ini kepada orang awam kurang ditekankan oleh institusi-institusi ini maka program tersebut kekal dalam gedung masing-masing dan kurang disedari oleh kumpulan penyelidik mahupun orang awam.

Kesimpulan

Sejarah lisan merupakan satu kaedah penting dalam mendekati masyarakat kepada sejarah dan warisan negara. Kaedah temu bual demi mencungkil memori yang terkandung di dalamnya pengalaman manusia ini boleh merapatkan hubungan pendidik dengan sekitarnya, antara kelas dan generasi. Kaedah ini memulangkan semula sejarah kepada masyarakat. Oleh kerana kepentingan kaedah ini kepada aspek kesejahteraan bangsa dan negara, Malaysia memerlukan sebuah badan rasmi sebagai peneraju sejarah lisan yang diiktiraf oleh kerajaan dan rakyat sebagaimana di Singapura. Kedudukan Arkib Negara Malaysia sebagai penangung kepada program ini di negara harus diberi diperkukuhkan dan diberi perhatian oleh badan tersebut dan oleh kerajaan. Hanya dengan cara ini, program sejarah lisan boleh menyumbang kepada pemantapan pendokumentasi sejarah dan warisan negara.

Rujukan

Azemi Abdul Aziz, "The Archival Approach to Oral History," Seminar on Preservation and Dissemination of Oral History as National Heritage, 7-9 April 2005.

Cheah, Boon Kheng, 'New Theories and Challenges in Malaysian History,' in Cheah Boon Kheng (ed.), *New Perspectives and Research on Malaysian History*, Kuala Lumpur: MBRAS, 2007, Monograph No. 41, 119-145.

⁴¹ Mahani Musa and Kuah Li Feng, "Initiating an Oral History Project in a Multicultural UNESCO World Heritage Site of George Town, Penang, Malaysia, 130.

⁴² Rahani Jamil, "Application of Oral History Techniques: The Experience of the National Archives of Malaysia," Oral History Meeting, 18 July, 1990, Kuala Lumpur, 6-8. Program "Recounting the past" ini telah bermula sejak 1984 dan sehingga 1990 sebanyak 39 sesi temubual telah diadakan meliputi tajuk-tajuk seperti sejarah pentadbiran, sejarah tentera, peranan wanita dalam pembentukan negara bangsa, sejarah pertubuhan dan persatuan, episod penting dalam sejarah negara, budaya dan tradisi dan sebagainya. Manakala "Once upon an event" pula disiarkan dalam radio dan televisyen Malaysia melibatkan seorang pengkisah (*narrator*) menceritakan pengalaman beliau kepada audien yang terdiri daripada pelajar dalam suasana seperti seorang datuk bercerita kepada anak cucunya tentang masa lalu. Pelajar yang menjadi penonton pula bertindak sebagai penemubual. Rancangan ini dilihat berjaya mewujudkan suasana pembelajaran tentang sejarah dan warisan lalu negara ini yang menarik dan hidup (*alive*).

Haryati Hasan dan Hamidin Abd Hamid, "Writing Marginalized Groups into Malaysian Social History," dalam Cheah Boon Kheng (ed.), *New Perspectives and Research on Malaysian History*, (Kuala Lumpur: MBRAS, 2007), Monograph No. 41, 147-158.

Kratoska, Paul H. dan Abu Talib Ahmad (eds.), *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu, 1942-1945: Kumpulan Esei Sejarah Malaysia oleh Pelajar-pelajar USM*, Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, No.4, 1989.

Kratoska, Paul H. *Penghijrah dan Penghijrahan (Kumpulan Esei Pelajar Malaysia oleh Pelajar-pelajar USM)*, Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, No. 1, 1982, iii-iv.

Mahani Musa and Kuah Li Feng, "Initiating an Oral History Project in a Multicultural UNESCO World Heritage Site of George Town, Penang, Malaysia: Challenges and Outcomes, *Kajian Malaysia*, Vol. 34, No. 2, 123-143.

Manning, Ralph W. "Introduction," dalam John McIlwaine and Jean Whiffirin (eds.), *Collecting and Safeguarding the Oral Traditions: An International Conference, Satellite Meeting of the 65th IFLA General Conference held in Bangkok Thailand, 16-19 August 1999*, vii-viii.

Memories and Reflections: The Singapore Experience, Singapore: National Archives of Singapore, 1988

Morrison, James H. "A Global Perspective of Oral History in Southeast Asia," dalam P. Lim Pui Huen et.al, *Oral History in Southeast Asia: Theory and Method*, Singapore: National Archives of Singapore and Institute of Southeast Asian Studies, 1998, 1-16.

Munslow, Alun. *Deconstructing History*, London and New York: Routledge, 1997.

Nadzan Haron, "Designing and Conducting Oral History as an Academic Subject for Students, Seminar on Preservation and Dissemination of Oral History as National Heritage, 7-9 April 2005, Kuala Lumpur, 1-21.

Pillai, Jannet. "Engaging public, Professionals, and Policy-makers in the Mapping Process." In *Cultural Mapping as Cultural Enquiry*, eds. Nancy Duxbury et. al. 153-169. New York: Routledge, 153-169.

Siti Roudhah et.al, "Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan," *Jurnal PPM (Persatuan Perpustakawan Malaysia)*, Vol. 6, 2012, 63-76.

Thompson, Paul. *Oral History: The Voice of the Past*, Oxford: Oxford University Press, 1978.

Vansina, Jan *Oral Tradition: A Study in Historical Methodology*, Middlesex: Penguin Books, 1965

Vansina, Jan. *Oral Tradition as History*, Wisconsin: The University of Wisconsin Press, 1985.

Yeoh, Brenda S. "Changing Conceptions of Space in History Writing," dalam Abu Talib Ahmad & Tan Liok Ee, *New Terrains on Southeast Asian History*, Singapore & Athens: Singapore University Press & Ohio University Press, 2003, 30-55.

Website

http://www.nas.gov.sg/archivesonline/oral_history_interviews/ diakses pada 29 Julai 2017 at 10.13 am

<http://www.sejarahlisan.org.my> "Perlembagaan bagi pertubuhan induk Persatuan Sejarah Lisan Malaysia" diakses pada 1 Ogos 2017.

ofa.arkib.gov.my diakses pada 1 Ogos 2017.